

MELAYU ISLAM PATUT JADI TRIBAHASAWAN: MATLAMAT DASAR-DASAR BAHASA AKAN DATANG

Kamsiah Haji Abdullah
Universiti Brunei Darussalam

Abstrak

Matlamat pendidikan umat Melayu sepatutnya ialah mencapai tahap ketribahasaasaan - menjadi seorang tribahasawan – seorang yang menguasai tiga bahasa sekali gus iaitu bahasa Melayu, Inggeris dan Arab. Ini merupakan satu keupayaan yang amat sukar dicapai kerana ketiga-tiga bahasa itu datang dari rumpun Bahasa yang berbeza: Bahasa Melayu dari rumpun Bahasa Austronesia, Bahasa Inggeris dari rumpun Indo-Eropah dan Bahasa Arab dari rumpun Bahasa Semitik. Namun Kita mesti mempunyai wawasan yang mantap dan saya yakin keupayaan ketribahasaasaan boleh dicapai dengan perancangan pendidikan yang menyeluruh dan teliti dari pihak-pihak yang berkepentingan dari kalangan pemerintah, masyarakat dan ibu bapa. Kertas kerja ini akan membincangkan mengapa ketiga-tiga bahasa, Melayu / Indonesia, Inggeris dan Arab perlu dimasukkan dalam dasar pendidikan anak-anak dari peringkat tadika hingga ke universiti terutama di negara majoriti kaum Melayu Islam seperti di Indonesia, Malaysia dan Brunei. Kedua, akan disentuh prinsip, pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang boleh diterokai untuk melahirkan rakyat yang tribahasawan tersebut.

Pendahuluan

Penguasaan atau pemerolehan bahasa ibunda adalah satu anugerah ilahi. Tamadun dan kemajuan manusia keseluruhannya bertapak dan berkembang melalui penguasaan bahasa biasanya melalui satu bahasa ibunda sebagai alat yang menjana berbagai kecekapan dan ketrampilan yang diperlukan dalam kehidupan asasi manusia.

Fungsi Bahasa

Bahasa secara umum mempunyai fungsi-fungsi asas bagi manusia, sebagai alat mengungkapkan fikiran, menyampaikan kehendak, memberi maklumat dan untuk berinteraksi. Jacobson (1960) perintis bidang tentang fungsi bahasa menyenaraikan 6 fungsi Bahasa iaitu fungsi ekspresif atau emotif, fungsi referential, fungsi estetik atau puitik, fungsi fatik untuk ikatan sosial, fungsi metalingual dan fungsi konatif yang melibatkan tindakan, kemahuan dan usaha.

Halliday (1973) pula memperincikan 7 fungsi bahasa yang asas bagi manusia, iaitu

- 1) fungsi instrumental iaitu Bahasa sebagai alat untuk melakukan sesuatu,
- 2) fungsi mengendalikan atau mengatur sesuatu (regulatory function)
- 3) fungsi perujukan, penggambaran dan penjelasan kepada realiti, maklumat dan pengetahuan (referential function)
- 4) fungsi interaksi atau berkomunikasi antara satu sama lain
- 5) fungsi peribadi yang merupakan alat untuk mengungkapkan sesuatu perasaan, pandangan dan pendaapat dari diri sendiri (personal function)
- 6) fungsi heuristik dengan tujuan mendapatkan ilmu pengetahuan, biasanya wujud dalam bentuk pertanyaan

- 7) fungsiimaginatif untuk mengarang-ngarang, mencipta angan-angan, ide-ide dan sebagainya.

Selain dari fungsi yang asas Bahasa mempunyai peranan politik dan sosial yang lain dalam membangun masyarakat dan bangsa. Kerap digunakan di Indonesia, bahasa sebagai pemersatu, bahasa juga autoritatif, kontraktual, diverstif atau pemesongan seperti dalam berkelakar, juga memainkan peranan merekod seperti dalam penyimpanan khazanah sejarah, perundangan, diari dan selainnya. Ringkasnya Bahasa berperanan sebagai seni dan senjata dalam kehidupan (Kamsiah, 2010), sama ada dalam kehidupan individu ataupun masyarakat.

Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ibunda di Sekolah

Kemampuan berbahasa dalam berbagai bentuk dan kemahiran lumrahnya dikembangkan dalam sistem pendidikan. Dalam hal bahasa Melayu, pendidikan formalnya telah berlangsung lebih daripada 150 tahun (sejak 1856 di Gelugor Pulau Pinang dan 1856 di Sekolah Melayu Kampong Gelam Singapura, 1914 di Brunei) orang-orang Melayu¹ menjalani pendidikan sekular yang bernama sekolah Melayu. Dalam jangka masa yang begitu lama itu bahasa Melayu menjadi alat bagi orang-orang Melayu mengenal dan menimba ilmu duniawi dan ukhrawi, sehingga selepas peperangan dunia Kedua, lebih dari 80% kanak-kanak Melayu lelaki dan perempuan telah mendapat pelajaran walaupun pada masa tersebut – bersekolah dalam tahap yang agak rendah – iaitu tahap sekolah rendah.

Literasi masyarakat Melayu telah meningkat tahap demi tahap sehingga mencapai lebih dari 92% peratus pada tahun 2014. Di bawah diperturunkan perangkaan kadar literasi bagi 5 buah negara yang mempunyai penduduk Melayusama ada sebagai kaum majoriti atau minoriti seperti di Singapura dan Thailand.

Jadual 1 : Kadar Literasi di Negara-negara Melayu

Negara	Kadar Literasi (semua)	Kadar Literasi (Lelaki)	Kadar Literasi (Perbezaan)
Brunei	95.4%	97%	93.9%
Indonesia	92.8%	97%	89.6%
Malaysia	93.1%	95.4%	90.7%
Singapura	95.9%	98.0%	93.8%
Thailand	96.7%	96.6%	96.7%

(Wikipedia, CIA World Factbook)

- 1) Dimaksudkan penduduk Melayu, Jawa, dan kaum-kaum peribumi di Negara, Indonesia, Malaysia, Brunei, Singapura, Thailand Selatan

Angka ini adalah tinggi jika dikira bahawa kadar literasi bagi seluruh dunia bagi orang-orang yang berumur 15 tahun ke atas hanyalah 84.1%. Kadar literasi sedunia bagi lelaki ialah 88.6% sementara kadar bagi perempuan adalah rendah sedikit iaitu 79.7%.Ini menunjukkan bahawa Bahasa ibunda telah berakar umbi dalam masyarakat yang berbilang bangsa.

Maka Pendidikan dalam atau melalui bahasa Melayu yang diterajui oleh sekolah Melayu, sekolah Kebangsaan begitu fenomenal membentuk para cerdik pandai, elit dan rakyat Melayu yang tekal dan tegal menuntut dan mengisi kemerdekaan. Kini pengajian dalam bahasa Melayu /Indonesia ditawarkan di semua universiti di Malaysia dan Brunei dan Indonesia menerbit dan menjana pemikiran-pemikiran tinggi dalam dunia Melayu.Kecekapan berbahasa Melayu kemudian yang meluas di kalangan masyarakat yang berbilang bangsa kini telah begitu mantap.

Bahasa Inggeris masuk dalam Sistem Pendidikan

Sebenarnya dari semenjak pertengahan kurun ke 20, sekolah berbahasa pengantar Bahasa Melayu telah memperkenalkan Bahasa Inggeris yang telah di bawa oleh penjajah ke negeri-negeri Melayu. Bahasa Inggeris telah dimasukkan dalam kurikulum sekolah rendah di Tanah Melayu, Singapura dan Brunei dan diajar sebagai salah satu Bahasa asing yang penting di sekolah-sekolah sekular, termasuk di sekolah Melayu. Kini di sekolah-sekolah Kebangsaan di Malaysia, di Sekolah-sekolah rendah dan Menengahnya Bahasa Inggeris diajar sebagai Bahasa Kedua iaitu Bahasa yang kedua dikuasai oleh murid-murid setelah Bahasa ibunda masing-masing. Di Brunei Darussalam dan Singapura Bahasa Inggeris dijadikan Bahasa pengantar yang utama apabila system Bahasa Melayu sebagai Bahasa pengantar ditamatkan. Penguasaan Bahasa Inggeris murid-murid Melayu semakin hari semakin meningkat dan dengan itu ramai dari orang-orang Melayu menjadi dwibahasawan Melayu – Inggeris.

Hal ini terjadi susulan dari kehidupan orang-orang Melayu yang di bawah penjajahan Barat ingin mengejar kemajuan, tidak mahu ketinggalan disebabkan oleh persekitaran dunia yang semakin canggih. Perindustrian, penciptaan alat-alat baru, jentera – jentera canggih, perubahan kemudahan dalam pelayaran dan berbagai perubahan lain menyebabkan keperluan untuk turut mendapat pelajaran duniawi seperti bangsa-bangsa lain dan negara–negara maju di Barat; dan ini dapat dilakukan dengan menguasai Bahasa Inggeris itu.


Penjajah Eropah dan Amerika telah Berjaya membentuk keperluan untuk mengejar kemajuan dalam berbagai segi dan membentuk hubungan antara bangsa dengan menggunakan Bahasa mereka (penjajah). Peninggalan yang ketara misalnya ialah bahasa Inggeris di India, Pakistan, Malaysia, Singapura, bahasa Perancis di Algeria, bahasa Belanda di Indonesia. Jumlah penduduk bekas jajahan yang belajar bahasa penjajah itu sangat besar terutama di kalangan mereka yang bersekolah dalam sekolah-sekolah aliran Barat.

Setelah zaman kemerdekaan perhubungan dengan dunia luar yang lebih kerap ini membawa kepada keperluan yang semakin meningkat untuk mencapai kemajuan dan ini lebih mudah dilakukan melalui perantaraan Bahasa Inggeris.

Perkembangan kuasa dunia seterusnya mengakibatkan Bahasa Inggeris semakin diperlukan untuk komunikasi antara bangsa dan perdagangan. Bahasa ini sekarang merupakan Bahasa yang paling banyak penuturnya di dunia.

Kemasukan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Pengantar dan sebagai Bahasa Kedua

**Top Ten Languages in the Internet
2015 Q2 - in millions of users**



Source: Internet World Stats - www.internetworldstats.com/stats7.htm
 Estimated total Internet users are 3,270,490,584 on June 30, 2015
 Copyright © 2015, Miniwatts Marketing Group

Maka sedikit demi sedikit perubahan sistem pendidikan moden dan posmoden melibatkan Bahasa Inggeris menjadi begitu penting, maka di Singapura dan Brunei Bahasa tersebut menjadi bahasa pengantar untuk semua mata pelajaran (kecuali agama Islam di Brunei) di semua sekolah-sekolah kerajaan. Bahasa Melayu diajar sebagai salah satu mata pelajaran sahaja. Corak pendidikan begini dinamakan Pendidikan Dwibahasa sepenuhnya. Di Negara Malaysia pula pengajaran-pembelajaran bahasa Inggeris wujud di sekolah sebagai Bahasa Kedua yang rasmi; Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia digunakan sebagai Bahasa pengantar untuk semua mata pelajaran lain. Isu Bahasa pengantar adalah sesuatu yang diperjuangkan oleh berbagai pihak yang berkepentingan di sana. Walau bagaimana pun Bahasa Inggeris tetap masuk ke dalam sistem pendidikan sama ada sebagai Bahasa Kedua atau sebagai Bahasa Asing yang penting seperti di Indonesia dan hampir di semua negara-negara maju di seluruh dunia.

Kewajaran belajar-mengajar menggunakan Bahasa Inggeris, Bahasa 'super power' tidak dapat dinafikan. Dalam hal ini dominasi bahasa Inggeris dalam sains, teknologi, perdagangan dan politik amat ketara: kini lebih dari dua pertiga para saintis

dunia menggunakan Bahasa Inggeris, tiga perempat daripada seluruh surat-menyurat dunia ditulis dalam Bahasa tersebut. Selanjutnya, 80% daripada maklumat yang disimpan secara elektronik dalam Bahasa Inggeris, 36% daripada 200 juta pengguna internet yang berkomunikasi dalam saluran maya itu.

Ethnologue memberi anggaran yang agak konservatif bagi penggunaan Bahasa Inggeris di seluruh dunia – bahasa inidikatakan digunakan oleh 508 juta jiwa dari sebanyak 22 buah Negara. Max Holloway (2014) seorang pakar kedwibahasaan pula memahkotakan Bahasa itu sebagai Bahasa yang paling lazim digunakan di seluruh dunia, iaitu digunakan di 55 buah negara. Bahasa Perancis dan Rusia jatuh ke tempat nombor dua dan tiga kerana digunakan sebagai Bahasa Kedua di 14 dan 13 negara masing-masing. Pada tahun 2015 bahasa ini telah dijadikan Bahasa rasmi oleh 67 negara berdaulat (sovereign) dan 27 negara lain.

Jadual di bawah ini memperlihatkan penutur Bahasa Inggeris di Malaysia, Singapura dan Brunei. Indonesia dan Thailand tidak dimasukkan kerana peratus penutur-penutur Bahasa Inggeris di Negara tersebut belum begitu signifikan.

Jadual 2: Penggunaan Bahasa Inggeris

Negara	% penutur BI	Jumlah penduduk	Jumlah penutur BI	Penutur BI sebagai Bahasa pertama	Penutur BI sebagai bahasa tambahan
Brunei	39.07	381,371	144,000	10,000	134,000
Malaysia	20.54	27,170,000	5,580,000	380,000	5,200,000
Singapura	80	5,076,700	4,822,865	1,097,443	253,835

Disesuaikan dari: <http://www.movehub.com/blog/global-second-languages>

Dalam kurun ke-21 ini menjadi literat dalam Bahasa ibunda sahaja tidak mencukupi lagi. Bahasa Inggeris ini telah menjadi penting, sekurang-kurangnya sebagai Bahasa Kedua bagi ketiga-tiga negara tersebut. Hakikat masa ini, berjuta-juta penduduk dari berbagai negara kecil dan besar, dari Eropah, ke Asia Timur, ke Timur Tengah, menguasai Bahasa Inggeris di samping bahasa ibunda mereka. Sekali gus ini menjadikan ramai penduduk dunia dwibahasawan. Perangkaan terbaru menunjukkan bahawa lebih kurang dua pertiga daripada penduduk dunia adalah dwibahasawan.

Keterbukaan dunia yang semakin lebar menjana perhubungan lebih luas dari seorang individu dengan individu lain bahkan perhubungan cepat antara sebuah negara dgn yg lain memungkin lebih banyak persefahaman terjalin antara seorang dengan seorang dan seterusnya di antara sebuah negara dengan yang lain. Ini lebih mudah dicapai apabila ramai penduduk menjadi dwibahasawan, khususnya menguasai bahasa ibunda masing-masing + Bahasa Inggeris.

Kedwibahasaan adalah sesuatu yang telah lazim. Di India, umpamanya kanak membesar dalam dua tiga Bahasa secara istiqamah adalah perkara biasa. Singapura juga menunjukkan bahawa amalan ini telah sangat sebat, semua kanak-kanak menggunakan Bahasa Inggeris dengan Bahasa ibunda masing-masing. Menurut François Grosjeanii kini, lebih dari separuh penduduk dunia yang berjumlah 7 billion bertutur dalam lebih dari satu Bahasa dan sekitar 24% negara di dunia mempunyai dua atau lebih bahasa sebagai Bahasa Rasmi Negara. Maka realiti kehidupan hari ini bercorak berbilang bangsa, Bahasa dan budaya yang didominasi Bahasa Inggeris.

Istilah berikut perlu digunakan untuk memperlihatkan fenomena penguasaan bahasa.

- Ekabahasawan : (mereka yang menguasai satu bahasa sahaja) anggaran 40%.
- Dwibahasawan: (mereka yang menggunakan dua Bahasa dengan tahap kelancaran yang sama) terdiri daripada 43% daripada penduduk dunia.
- Tribahasawan: (mereka yang menggunakan tiga bahasa secara lancar terdiri daripada 13% daripada penduduk dunia.
- Multibahasawan: (mereka yang menggunakan dua bahasa, dan juga dua Bahasa lain atau lebih bahasa lain secara lancar terdiri daripada 3% daripada penduduk dunia.
- Poliglot: ialah seseorang yang mempunyai kefasihan dalam beberapa bahasa, iaitu 5 Bahasa atau lebih, terdiri daripada 1% daripada penduduk dunia.

Dwibahasawan merujuk kepada keadaan seseorang yang memperoleh dua bahasa yang terdiri daripada bahasa ibundanya dan juga bahasa kedua yang dipelajari di sekolah. Ini berlaku dalam banyak negeri (55 buah negara yang nyatakan tadi. Kebanyakan penduduk asal negara yang mana bahasa mereka merupakan bahasa dunia, *lingua franca* dan adibahasa adalah *monolingual* kerana mereka tidak merasakan keperluan untuk memahami Bahasa lain. Misalnya, lihat senarai 10 bahasa yang paling banyak penuturnya di dunia iaitu: Mandarin, Inggeris, Hindustan, Sepanyol, Rusia, Arab, Benggali, Portugis, Melayu dan Perancis (Wikipedia, 2008). Lihat pula senarai bilangan penutur jati atau penutur natif atau penutur bahasa ibunda sebagai bahasa pertama. Ethnologue merakamkan data ini menurut tatatingkat bahasa-bahasa besar yang mempunyai lebih daripada 50 juta penutur. Senarainya ialah seperti berikut:

- 1) Bahasa-bahasa China 2) Bahasa-bahasa Sepanyol 3) Bahasa Inggeris 4) Bahasa Hindi 5) Bahasa-bahasa Arab 6) Bahasa Portugis 7) Bahasa Benggali 8) Bahasa Rusia 9) Bahasa-bahasa Jepun 10) Bahasa Jawa , seterusnya nombor 22) Bahasa Melayu termasuk Bahasa Indonesia .

Ethnologue menyenaraikan Bahasa Jawa mempunyai penutur seramai 84.3 juta jiwa, sementara Bahasa Melayu yang termasuk Bahasa Indonesia seramai 60.5 juta orang. Menurut hemat saya, penutur jati Bahasa Jawa terpaksa dan sudahpun dikategorikan sebagai dwibahasawan dengan Bahasa Indonesia sebagai Bahasa kedua mereka. Kebanyakan penutur asli bahasa Melayu termasuk di Indonesia,

Malaysia dan Brunei cenderung menggunakan Bahasa Barat yang adibahasa sebagai Bahasa keduanya kerana Bahasa Melayu telahpun menjadi lingua franca mereka sejak sebelum kedatangan penjajah. Jika tidak mempelajari Bahasa kedua mereka menjadi monolingual sahaja.

Di kalangan orang Melayu, peratus mereka yang dwibahasawan Inggeris – Melayu sangat tinggi, sehingga Melayu di Singapura misalnya, menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa dominan untuk berkomunikasi dengan ibu bapa, anak-anak, kawan-kawan dan saudara mara. Bahasa Melayu akan menjadi bahasa ninda (nenek-datuk) bukan bahasa ibunda lagi atau dimasukkan dalam istilah bahasa warisan (heritage) sahaja jika tidak dipelajari di sekolah.

Tribahasawan

Seorang tribahasawan pula biasanya adalah cekap dalam dwibahasa tetapi memiliki tambahan bahasa ketiga yang terdiri dari bahasa daerah atau serantau di sekitar mereka. Contohnya dalam konteks Nusantara ini ialah kebanyakan orang-orang asal Jawa di Indonesia yang dwibahasawan Jawa – Indonesia yang kemudian belajar dan bertutur dalam bahasa Inggeris pula. Kecenderungan menguasai tiga bahasa ini boleh mudah berlaku apabila:

- 1) Jika seseorang menggunakan satu bahasa di rumah, kemudian menggunakan bahasa lain dengan kawan-kawan di luar rumah dan menggunakan satu bahasa yang lain lagi di tempat kerja
- 2) Jika bahasa natif seseorang itu mempunyai banyak bahasa asing.
- 3) Jika seseorang itu tinggal dalam satu negara yang dipengaruhi oleh budaya asing yang akhirnya oleh bahasa budaya tersebut.
- 4) Jika seseorang itu tinggal di sebuah negara yang terbuka sempadannya dengan bangsa lain yang menggunakan bahasa yang lain
- 5) Jika seseorang itu mencintai dan bersedia memberi masa untuk mempelajari bahasa lain.

Dari senarai ini dapat diperhatikan bahawa orang-orang Jawa mudah menjadi tribahasawan, kerana bahasa ibunda mereka bukan bahasa nasional. Selanjutnya kita beralih kepada orang-orang Melayu, penutur jati bahasa yang ke-9 besarnya di dunia (berdasarkan kiraan jumlah penutur yang *menggunakannya*, bukan penutur jatinya. Melalui sistem pendidikan yang berwawasan sejurus setelah kemerdekaan mereka mempelajari bahasa Inggeris sekali gus menjadikan kebanyakan mereka adalah dwibahasawan fasih bahasa Melayu-Inggeris. Tetapi amat kecil bilangan mereka yang mengetahui tiga bahasa, apalagi literat dalam tiga bahasa seperti orang-orang Cina di Malaysia dan di Brunei sekarang. Sebab utama mungkin ialah tidak ada keperluan kerana Bahasa mereka, telahpun digunakan dalam semua ranah social. Mereka seperti orang-orang Inggeris di England yang tak perlu belajar Bahasa lain, menjadikan kebanyakan mereka ekabahasawan saja.

Dari Dwibahasawan Menjadi Tribahasawan

Trend dunia pada keseluruhannya menunjukkan hampir separuh penduduk dunia telah menjadi dwibahasawan, kemudian dengan kedatangan perhubungan antara bangsa yang semakin mudah dan kerap, semakin ramai yang berkemampuan tribahasaiaitu 13% di seluruh dunia. Angka ini akan meningkat setiap masa akan datang, bukan menurun. Untuk kehidupan lebih ke depan, mengetahui bahasa ibunda dan bahasa Inggeris saja tidak mencukupi. Kita perlu bersaing dan memahami kenal mengenal orang-orang dari berbagai kaum. Maka cara yang terbaik untuk mengenal bangsa dan puak-puak ialah dengan mengetahui bahasa mereka.

Dalam SurahAl-Hujurat:13 Allah berfirman bahawa

"Wahai manusia sesungguhnya kami jadikan kamu lelaki dan perempuan dan kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya kamu kenal-mengenal.Sesungguhnya sebaik-baik kamu di sisi Allah ialah yang paling bertakwa di antara kamu." (Al-Hujurat: 13)

Kedudukan Bahasa Arab dalam Tatatingkat Bahasa-bahasa di Dunia

Bahasa Arab tersenarai sebagai salah satu daripada 6 bahasa rasmi yang ‘berkuasa’ di Bangsa-bangsa bersatu selain dari Bahasa China, Inggeris, Perancis, Rusia dan Sepanyol.Ia adalah salah satu daripada bahasa terbesar dari segi bilangan penutur dunia, 350 juta penutur, kedudukan ke-6 besarnya dalam dunia. Bahkan statistik terkini iaitu pada 30 hari bulan Jun 2015 tentang kedudukan Bahasa-bahasa dalam siber menunjukkan perangkaan yang lebih tinggi lagi - bahawa bahasa Arab adalah bahasa yang ke-4 paling kerap yang digunakan di internet. (dengan 155.6 juta pengguna).

Kemudian dari pembelajaran Bahasa pula kita dapati bahasa ini dapat menarik lebih ramai pelajar di seluruh dunia. Misalnya di Amerika Syarikat,

“The Arabic language is the fastest-growing foreign language taught at U.S. colleges and universities, “ (sumber [The Gazette](#).Akses 15 Oktober 2015).

Arabic Studies Booming in the US” (dari ICEF Monitor 1 Dec 2014.

The *Modern Language Association* (MLA)pula melaporkan pendaftaran masuk pelajar baru bahasa Arab di US telah meningkat sebanyak 126.5% dari 2002 ke 2006 dan sekali lagi, naik 46.3% dari 2006 – 2009. Walaupun ini mungkin ini adalah susulan dari serangan September 11, 2001 di New York, namun hingga kini angka di universiti dan kolej-kolej menunjukkan bahasa ini semakin meningkat terutama di Eropah.

The British Council dengan Yayasan Qatar juga melaporkan bahawa:

“Recent research into long-term language needs, looking at a variety of economic, geopolitical, cultural and educational indicators, identified Arabic as

the second most necessary language for the UK over the next 20 years. However the gap between this need and current provision is particularly great: Arabic is taught in 300 - or one per cent - of schools in the UK”.

Harapan mereka ialah supaya bahasa Arab masuk ke dalam kurikulum utama pembelajaran bahasa di United Kingdom. Ini kerana bahasa Arab telah menanam akar dalam warisan budaya Eropah. Eropah tidak akan maju seperti hari ini tanpa sumbangan dari tamadun Arab zaman Pertengahan yang mempunyai teks-teks tentang berbagai bidang sains dan humaniora.

Di tengah-tengah dunia Melayu Singapura yang majoritinya, 80% adalah bukan Islam juga telah menawarkan pelajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Ketiga di sekolah-sekolah pemerintah untuk aliran pelajar paling bijak iaitu “ekspres special”. Bahasa Arab di sini ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan sebagai salah satu pilihan daripada sembilan bahasa asing iaitu Perancis, Jerman, Jepun, bahasa Indonesia, bahasa Melayu, Korea, Sepanyol dan Arab. Program Bahasa Ketiga ini bertujuan untuk menyediakan sebilangan pelajar dengan

“cross-cultural literacy needed to enhance our cultural and economic relations with French-speaking countries, Germany, Japan, Malaysia, Indonesia, Brunei, and the Middle East”.

Di samping itu pelajar-pelajar ini boleh juga memperoleh ilmu sains dan teknologi serta pengalaman dari negara-negara bukan-berbahasa Inggeris seperti Jerman, Perancis dan Jepun.

Kewajaran Melayu Islam Mempelajari Bahasa Arab

Hampir 99% orang Melayu beragama Islam dan Indonesia mempunyai penduduk Islam yang paling ramai di dunia. Bahasa Arab adalah bahasa bagi agama Islam. Sebagai penganut agama Islam, umat Islam juga digalakkan oleh Rasulullah s.a.w. untuk mengetahui Bahasa Arab. Dalam sebuah hadis Nabi Muhammad s.a.w, Uthman r.a mengkhabarkan bahawa Rasulullah s.a.w. berkata bahawa,

“orang yang paling baik di kalangan kamu ialah orang yang belajar al-Quran dan mengajarkannya kepada orang lain.” (dari Hadis Bukhari)

Tidakkah kita teringin menjadi di kalangan orang-orang yang TERBAIK itu?
Bagaimanakah mempelajari Al-quran sebaik-baiknya tanpa mengetahui Bahasa Arab?

Selain dari perkaitan Bahasa Arab dengan firman Allah s.w.t dan sabda Rasulullah s.a.w. dalam Hadis al-Bukhari tadi, Bahasa Arab melalui al-Quran telah sehati dengan jiwa orang-orang Melayu. Secara tradisi memang sangat ramai orang Melayu yang pandai mengaji, tetapi pandai mengaji ini bukanlah memperoleh Bahasa Arab – ini hanyalah melisankan atau memberi suara kepada huruf-huruf al-Quran

itu. Walaupun mengaji mendapat pahala yang besar, namun membaca dan memahaminya lebih berpahala.

Tanpa pemahaman tidak ada pemerolehan atau penguasaan bahasa. Tanda kepada penguasaan sesuatu bahasa itu ialah seseorang itu boleh berfungsi dalam bahasa tersebut (rujuk 7 fungsi bahasa Halliday) – walaupun dengan menggunakan kosa kata atau perbendaharaan kata yang amat terbatas dengan tatabahasa yang kurang sempurna.

Bahasa Arab tidaklah asing bagi orang-orang Melayu. Pengaruh Bahasa Arab ke dalam Bahasa Melayu itu sendiri telah begitu lama dan mantap. Tulisan bagi Bahasa Melayu sejak kurun ke 14 (di Batu Bersurat Trengganu) ialah tulisan Jawi yang diambil dari tulisan Arab. Juga terdapat begitu banyak kata-kata Arab dalam bahasa kita - lebih dari 3,000 perkataan. Bahasa Arab juga mempengaruhi nahu atau jalan bahasa kita.

Kita juga mempunyai Kesusasteraan Melayu begitu gemilang yang tercapai melalui pengenalan dengan kesusasteraan dan kitab-kitab Arab selama berkurun lamanya. Bahkan hikayat-hikayat Melayu sendiri mempunyai tajuk-tajuk dalam Bahasa Arab, misalnya Sejarah Melayu ialah *Salalatus Salatin*, buku Petunjuk-petunjuk Bahasa Melayu ialah *Bustanul katibin*.

Barangkali ramai dikalangan cerdik pandai tidak sedar bahawa sasterawan agung dan ulama-ulama kita adalah dwibahasawan. Ada di antara mereka yang menulis dan mengarang dalam Bahasa Melayu, Jawa dan Arab sebagai Bahasa cendekia mereka. Mereka adalah dwibahasawan paling awal dalam dunia Melayu.

Kedwibahasa Meningkatkan Daya Intelek

Kedwibahasa memberi manfaat yang praktikal dan boleh dilihat.

“the improvements in cognitive and sensory processing driven by bilingual experience may help a bilingual person to better process information in the environment, leading to a clearer signal for learning.” (Cerebrum:31.10. 2012.)

iii

Kedwibahasa juga memberi kesan kepada struktur otak. Kecekapan yang tinggi dalam Bahasa kedua, dan pemerolehan awal dua bahasa tersebut berkorelasi dengan muatan *volume ‘gray matter’* di bahagian kiri *inferior parietal cortex* otak manusia.

Para dwibahasawan mempunyai *executive control*, iaitu satu set kemahiran kognitif yang berfungsi dalam kesedaran (inhibition), pertukaran perhatian (switching attention) dan ingatan (working memory). Ia muncul agak lambat dalam perkembangan dan menjadi semakin menurun awal semasa proses penuaan. Ia membantu dalam pemikiran yang mendalam, membuat kerja berbagai pada satu masa (multi-tasking) dan dalam memberi tumpuan yang berterusan atau lama. Bahagian neuron untuk kawalan eksekutif ini terletak di bahagian tengah *frontal lobes* otak dan mempunyai jaringan dengan bahagian-bahagian otak yang diperlukan bagi membuat kerja-kerja yang khusus. Dalam kanak-kanak biasanya kawalan eksekutif ini adalah pusat pengawal bagi pencaapaian akademik. Didapati orang-orang yang dwibahasa mempunyai sumber kawalan eksekutif yang lebih baik dari yang hanya menguasai satu bahasa.

bilinguals at all ages demonstrate better executive control than monolinguals matched in age and other background factors. (Bialystok, Craig and Luk 2012)

Peal and Lambert (1962) telah membuat kesimpulan kajian tentang mereka yang dwibahasawan begini:

“Intellectually [the bilingual child’s] experience with two language systems seems to have left him with a mental flexibility, a superiority in concept formation, a more diversified set of mental abilities” (p. 20)

Tradisi mengkaji Islam melalui Bahasa Melayu dan Arab diteruskan dengan pembukaan pondok, madrasah dan pesantren ke zaman ini. Sebelum bahasa Inggeris menjadi wajib, kebanyakan orang-orang Melayu yang mengetahui satu bahasa lain ialah bahasa Arab. Bahasa Arab juga semakin popular dengan kebangkitan kesedaran Islam dalam dunia Melayu pada masa ini.

Bahasa Arab di Brunei Darussalam

Bahasa Arab telah lama diajar di sekolah-Arab, sekolah-sekolah agama sebagai satu mata pelajaran sejak sebelum kemerdekaan. Kemudian pada tahun 1983 Sistem Pendidikan Dwibahasa Inggeris-Melayu diperkenal dan Bahasa Arab menjadi mata pelajaran di sekolah Menengah kerajaan. Kemudian seiring dengan perkembangan sistem pendidikan negara yang baru, dikenali dengan Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN 21), bahasa Arab dijadikan sebagai salah satu subjek, mata pelajaran bahasa Arab yang ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif, di samping bahasa Perancis dan bahasa Mandarin untuk semua pelajar Tahun 7 dan Tahun 8. Pilihan ini popular, apabila memandangkan telah wujud satu universiti Islam, Universiti Islam Sultan Sharif (UNISA) yang ditubuhkan pada tahun 2007.

Pelajaran agama Islam dan Bahasa Arab sungguh marak di Brunei yang mengamalkan falsafah Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir sebagai matlamat Negara. Selain dari di sekolah ia juga diajar dengan nama Bahasa Al-quran untuk orang-orang dewasa di hujung minggu. Ramai orang awam termasuk yang sudah berumur dan berpendidikan Inggeris mengikuti kursus ini. Kelas-kelas hujung minggu ini telah berjalan selama tiga tahun dan kemungkinan lebih ramai lagi penuntut sambilan ini setelah dirangkum dalam satu Pusat Bahasa Arab untuk orang ramai.

Dalam kes penggunaan Bahasa Arab dan fungsinya yang utama, saya merujuk kajian yang saya lakukan bertajuk “Penggunaan Bahasa di kalangan 3 Generasi di Brunei Darussalam” yang baru selesai akhir tahun lepas. Sampel terdiri dari 116 orang lelaki, 173 orang perempuan dari kalangan datuk nenek, ibu-bapa dan cucu-cucu. Mereka dipandu menjawab soal selidik yang bertujuan mengkaji penggunaan bahasa dalam pelbagai domain atau ranah. Salah satu domainnya ialah dalam domain peribadi, yang menyoal tentang bahasa yang responden gunakan sewaktu berfikir, berdoa dan bermimpi.

Didapati bahawa bahasa Arab meningkat penggunaannya dalam fungsi berdoa. Peratus golongan Generasi Ketiga iaitu golongan cucu yang berdoa dalam bahasa Arab telah lebih meningkat kepada 46.9% sementara Generasi 1 hanya sekitar 39.8%. Maka disamping memperlihatkan petanda pengislaman yang lebih teguh di kalangan orang muda, data ini juga memaparkan peningkatan bilangan orang-orang muda yang telah memahami atau sekurang-kurang literat dalam bahasa Al-Quran ini.

	Generasi 1	Generasi 2	Generasi 3
B Inggeris	22.2	33.3	44.4
B Melayu	21.1	32.3	46.6
B Mel Brunei	45.5	31.8	22.7
B Lain-lain (Arab)	39.8	13.3	46.9

Itu adalah satu trend yang boleh dibanggakan.

Kesimpulan

Pengajaran-pembelajaran Bahasa Arab di sekolah sebagai bahasa pengantar dan sebagai elektif seperti di Brunei ini saya percaya sudahpun wujud di Negara Indonesia dan Malaysia. Namun saya percaya ia boleh diperluas lagi sebagai satu pelajaran khusus dan tambahan dalam institusi ‘mengaji’ yang diajar kepada semua kanak-kanak Melayu Islam. Mengaji jangan diajar hanya untuk melisankan huruf-huruf Arab / Al-Quran tetapi diajarkan makna (meaning) perkataan dan tatabahasanya sebagai objektif pelajaran yang sentral. Semua orang, muda atau sudah lanjut usia berupaya memperoleh bahasa Arab yang asas dengan izin Allah. Bahasa Arab ini mempunyai struktur linguistik yang sungguh indah, tepat dan tersusun. Allah s.w.t. akan mengurniakan pencapaian ini jika kita mempunyai pendekatan dan strategi yang berkesan. Sumber-sumber dari internet, yang berbayar dan percuma, sungguh banyak. Kita boleh gunakan bahasa yang dikuasai seperti Bahasa Melayu dan Inggeris sebagai landasan mempelajari bahasa Arab, jika terlewat mempelajarinya semasa di sekolah. Jadikan penguasaan Bahasa Al-Quran sebagai matlamat hidup kita.

Menjadi Tribahasawan akan melengkapi rekabentuk “Pohon Bahasa” (Kamsiah Abdullah, 2013 dan 2014) dalam sistem pendidikan bagi orang Melayu di mana Bahasa Melayu diumpaamakan sebagai akar pohon yang mantap menunjangi seluruh pokok, Bahasa Inggeris sebagai cabang-cabang pokok yang meninggi dan melebar ke cerok rantau dunia dan Bahasa Arab sebagai bunga dan buah yang memberi keindahan, kebahagiaan dan nikmat hidup.

Puncak keindahan linguistik sukar dihayati tanpa pengetahuan bahasa Arab, bahasa Al-Quran.

Rujukan

- Bialystok, E, Craik F.I.M. Luk.G . (2012). Bilingualism: Consequences for Mind and Brain.. *Trends Cognitive Science*. 2012 Apr; 16(4): 240250.doi: [10.1016/j.tics.2012.03.001](https://doi.org/10.1016/j.tics.2012.03.001)
- Gamal Abdul Nasir Zakaria, Salwa Mahalle, Aliff Nawawi. 2015. Kajian amalan pengajaran uru bahasa arab sekolah menengah di negara brunei Darussalam. Brunei Darussalam *The Online Journal of Islamic Education* January 2015, Vol.3 Issue 1:33.
- Halliday, M.A.K. 1973. *Explorations in the Functions of Language*, London: Edward Arnold.
- Kamsiah Abdullah. (2010). Bahasa Melayu Sebagai Seni dan Senjata dalam Mencipta Khazanah Ilmu dalam Pendidikan Bahasa Melayu di Singapura, Kamsiah Abdullah, Kuala Lumpur: *Dewan Bahasa dan Pustaka*, h. 32 – 64.
- Kamsiah Abdullah. 2014. Shaping Holistic World-Class Nations Through Language and Education: The Case of Brunei Darussalam. LEC 2014. Language and Education Conference, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Malaysia 20-21st October 2014 Proceedings EISBN 978-967-5852-27-5.
- Kamsiah Abdullah .English, Malay and Arabic in Brunei Darussalam – The three “Goodly Trees in the Pursuit of Prosperity and Progress for the Nation. 5th International Conference, Building Cultural Bridges: Integrating Languages, Linguistics. Literature, Translation and Journalism into Education ICBCB V, Suleiman Demirel University, Almaty, Kazakhstan , 25th – 27th April 2013. p 76 - 85.
- Peal E, Lambert W. 1962. The relation of bilingualism to intelligence. *Psychological Monograph*. 1962;76: 1–23.

i <https://www.ethnologue.com/statistics/size>

ii <https://www.psychologytoday.com/experts/francois-grosjean-phd>

iii Cerebrum:31.10.2012. <http://dana.org/Cerebrum/2012/> The Cognitive Benefits of Being Bilingual/#sthash.c8ROjpe.dpuf

_____0000_____